

17/04/2001

Majlis cegah jenayah beri kesedaran kepada rakyat

SHAH ALAM, Isnin - Polis sudah menyiapkan satu kertas cadangan berhubung penubuhan Majlis Pencegahan Jenayah Kebangsaan yang akan dikemukakan kepada kerajaan tidak lama lagi.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, berkata polis mencadangkan supaya ia dianggotai wakil jabatan kerajaan, ahli akademik, pertubuhan bukan kerajaan serta badan-badan yang difikir terbabit dalam isu pencegahan jenayah.

Beliau berkata, penubuhan majlis yang mirip kepada Majlis Keselamatan Jalan Raya itu adalah perlu bagi mendidik serta memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai pencegahan jenayah.

"Polis sudah menjalankan tanggungjawab yang diberi dan turut memerlukan pembabit orang ramai dan agensi kerajaan dan bukan kerajaan bagi membantu menjalankan aktiviti pencegahan jenayah," katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri Persidangan Ketua-Ketua Polis yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Hotel Concorde di sini, hari ini.

"Pada masa ini, polis tidak mempunyai sumber yang cukup untuk membiayai kempen pencegahan dan kesedaran jenayah. Jadi apabila ada satu majlis yang berkaitan ditubuhkan, diharap akan dapat menjalankan kempen pencegahan jenayah secara lebih berkesan," katanya.

Beliau berkata, penubuhan majlis seumpama itu akan dapat meningkatkan tahap kesedaran dan kepekaan masyarakat terhadap jenayah termasuk tindakan yang perlu diambil bagi menghindar, merangka dan mencadangkan langkah-langkah pencegahan jenayah dan menyelaraskan usaha pencegahan di kalangan pertubuhan serta meningkatkan hubungan antara masyarakat.

Terdahulu, dalam ucapannya, Norian mengingatkan anggota polis supaya mengekalkan tahap profesionalisme ketika bertugas serta mengutamakan kesetiaan kepada pasukan dan kerajaan bagi mendapat hasil kerja yang terbaik.

(END)